

18 DEC 1998

KOS-PENDEKATAN

PENDEKATAN DEFENSIF PENGURANGAN KOS MENYELURUH YANG MERUGIKAN

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Pendekatan defensif dengan cara pengurangan kos secara menyeluruh yang sering diambil oleh kebanyakan industri untuk menangani kemelesetan boleh merugikan dalam jangka masa panjang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini adalah kerana ianya tidak menggalakkan industri untuk bertindak balas secara yang tepat ke atas perubahan-perubahan yang berlaku daripada krisis ini, katanya di Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1998.

Menurutnya lagi, pendekatan jangka masa panjang yang lebih menguntungkan yang harus diambil ialah dengan meningkatkan produktiviti, mengurangkan masa proses, menambahkan jumlah bahan yang diproses dan memastikan kualiti keluaran sentiasa terjamin.

Dengan peningkatan kecekapan di dalam semua fungsi pengeluaran dan pemasaran, keluaran yang lebih kompetitif serta berkualiti akan dapat dipasarkan, beliau berkata.

Tambahnya lagi, kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang perlu dan sesuai untuk mewujudkan persekitaran yang dapat merangsang semula kegiatan dan pertumbuhan ekonomi.

Di peringkat sekarang, adalah amat penting bagi industri mengambil sikap yang positif dan tindakan yang sesuai dan berkesan bagi menerajui proses pemulihan ini.

Salah satu cara ialah dengan memberi perhatian kepada usaha-usaha mengurangkan import.

Mengikut statistik perdagangan luar, daripada jumlah keseluruhan eksport sebanyak RM173.6 bilion bagi tempoh Januari-September 1998, sebanyak RM121.4 bilion atau 70 peratus merupakan barangan pengantara dan RM28.8 bilion atau 16.6 peratus barangan modal.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, industri perlu mengalihkan pergantungan kepada import yang berlebihan dan mengganti dengan keluaran tempatan yang setanding.

Dr Mahathir berkata kerajaan sememangnya sentiasa berusaha untuk membantu industri serta syarikat-syarikat tempatan melalui insentif cukai, bantuan kewangan dan sokongan institusi tetapi pergantungan yang berlebihan kepada bantuan kerajaan boleh mendatangkan kesan negatif.

Bantuan-bantuan kerajaan, umpamanya potongan berganda untuk eksport, tabung bantuan teknikal industri dan program vendor adalah hanya untuk sementara.

Ianya bertujuan membantu syarikat di peringkat awal sahaja di mana keupayaan mereka terhad ketika itu dan adalah menjadi tanggungjawab sesebuah syarikat itu sendiri untuk terus berkembang atas daya usaha mereka.

Oleh itu satu unsur daya saingan yang ditekankan ialah faktor produktiviti keseluruhan (TFP) sementara teknologi maklumat (IT) pula, katanya, memainkan peranan yang penting untuk mengekalkan persaingan antarabangsa.-- BERNAMA

SHO OS